

# Unisza siap sedia hadapi banjir

Aktifkan bilik operasi sejak seminggu lalu hadapi kemungkinan bah di kawasan kampus



Keadaan laluan di kawasan asrama pelajar Unisza.



Laluan Unisza yang terpaksa ditutup akibat limpahan air.

**KUALA NERUS** - Jabatan Keselamatan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) telah mengaktifkan bilik operasi sejak seminggu lalu sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan banjir di kawasan sekitar kampus berkenaan.

Pengarahnya, Ismail Ahmad berkata, bilik operasi yang dibuka 24 jam itu secara automatik akan diaktifkan se-

baik keadaan cuaca tidak menentu bagi memastikan bantuan segera dapat diberikan kepada pelajar dan kakitangan universiti.

"Mesyuarat Jawatankuasa Banjir telah dibuat sebelum ini bagi menentukan perancangan untuk menghadapi banjir di dalam kampus, di mana jabatan keselamatan dan pusat kesihatan bertindak sebagai barisan hadapan untuk tangani

bencana alam ini.

"Malah, segala peralatan menyelamat termasuk bot dan 40 anggota juga telah ditempatkan dalam keadaan bersiap-sedia. Jumlahnya mungkin akan bertambah jika keadaan memerlukan," katanya.

Menurut Ismail lagi, meskipun keadaan masih terkawal, namun langkah awal perlu diberi perhatian bagi mengelak sebarang kemungkinan yang tidak diingini, selain memberi keutamaan terhadap keselamatan pelajar dan warga kampus yang lain.

"Berdasarkan pengalaman tahun terdahulu, keadaan banjir telah dibuat sebelum ini bagi menentukan perancangan untuk menghadapi banjir di dalam kampus, di mana jabatan keselamatan dan pusat kesihatan bertindak sebagai barisan hadapan untuk tangani

"Tetapi, kita sentiasa ambil langkah bersiap-sedia sekeranya air laut pasang dan pa-



Kawasan sekitar kampus yang dinaiki air.



Pelajar terpaksa mengharungi air untuk pulang ke asrama sebaik tamat kuliah masing-masing.

ras air di mengabung Tanjung Gelam melimpah, di mana ia mungkin mengakibatkan banjir besar," katanya.

#### Anggota ERT ditempatkan di lokasi berisiko

Beliau berkata, anggota dari unit Pasukan Bertindak Kecemasan (Team Response Emergency, ERT) juga turut ditempatkan di beberapa lokasi berisiko di sekitar kampus seperti longkang besar dan kawasan sekitar asrama pelajar bagi menjaga keselamatan mereka.

"Kita ada tempatkan anggota di beberapa tempat seperti longkang yang tidak berpenutup agar pelajar tidak melalui kawasan berkenaan kerana bimbang mereka akan terjatuh serta di kawasan asrama sekiranya ada binatang berbahaya dan berbisa yang dibawa arus ke kawasan tersebut," katanya.

Jelasnya, pelajar yang tinggal berdekatan kampus juga diminta segera menghubungi pihak universiti sekiranya rumah yang disewa di luar kampus juga dinaiki air yang mulai melimpah di laluan utama dari bilik kuliah untuk ke kawasan asrama.

Dalam pada itu, Ismail memberi jaminan keadaan di kawasan kampus adalah terkawal dan pihaknya sentiasa berada dalam keadaan bersiap-sedia untuk menghadapi banjir.

#### Kawasan rendah mula dinaiki air

Sementara itu, Tinjauan *Sinar Harian* di Unisza Kampus Gong Badak, di sini, semalam mendapat beberapa laluan di dalam kampus berkenaan terpaksa ditutup beberapa jam akibat dinaiki air berikutan hujan yang berterusan sejak hampir lima hari lalu.

Laluan tersebut terpaksa ditutup untuk semua jenis kendaraan setelah air mulai melimpah di atas jalan, malah pasukan keselamatan kampus juga ditempatkan di kawasan berbahaya dan berbisa yang dibawa arus ke kawasan tersebut," katanya.

Turut kelihatan pelajar terpaksa mengharungi air paras betis (sedalam 0.3 meter) untuk pulang ke asrama masing-masing berikutkan air yang mulai melimpah di laluan utama dari bilik kuliah untuk ke kawasan asrama.

Bagaimanapun, setakat jam 4 petang semalam, keadaan masih terkawal, di mana pelajar dan kakitangan lain dapat meneruskan aktiviti seperti biasa, meskipun ada beberapa kawasan rendah di sekitar kampus yang masih digenangi air.



Hujan lebat berterusan sejak lima hari lalu mengakibatkan sekitar kampus Unisza dipenuhi air.



Kawasan sekitar kampus yang dinaiki air pagi semalam.

JOM SOLAT	
KUALA NERUS	
SUBUH	5:36
SYURUK	6:56
ZOHOR	12:55
ASAR	4:16
MAGHRIB	6:50
ISYAK	8:03